



MURoC

KETENGAHKAN TEKNOLOGI ROBOT DI KALANGAN MAHASISWA



Pertandingan Robot Universiti-universiti Malaysia (MURoC) merupakan cetusan idea daripada DYTM Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang mahu mengenengahkan teknologi robot di kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Pertandingan ini pertama kali dianjurkan pada bulan Januari 2010 membabitkan 21 pasukan dari 7 IPTA di Malaysia. Pada edisi pertama ini, pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Justeru, untuk meneruskan kesinambungan, perancangan bagi penganjuran MURoC pada tahun ini dibuat lebih awal iaitu sejak bulan Jun 2010 lagi bagi memastikan lebih banyak penyertaan dengan penglibatan dari semua IPTA / IPTS di Malaysia.

Program yang dianjurkan oleh UniMAP ini turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melibatkan penyertaan daripada para penuntut IPTA/IPTS baik di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana ataupun Ijazah Kedoktoran. Bagaimanapun, koordinator bagi setiap kumpulan dibenarkan dari kalangan pensyarah, tenaga pengajar atau staf IPTA/IPTS.

Pada menganjuran kali kedua bagi tahun 2011 ini tuan rumah, UniMAP muncul naib johan MURoC 2011 yang berlangsung pada 25 hingga 27 Februari lalu di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Pasukan tuan rumah yang berjaya muncul antara tiga pasukan terbaik bagi setiap kategori yang dipertandingkan bagaimanapun terpaksa akur dengan kehebatan pasukan dari Universiti Putra Malaysia yang muncul johan bagi dua kategori pertandingan.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, pencapaian UniMAP pada tahun ini adalah di luar jangkaan memandangkan pada tahun lalu, UniMAP tidak memenangi sebarang hadiah bagi setiap kategori pertandingan.

"Justeru, kita hanya mensasarkan untuk memenangi mana-mana satu kategori pada tahun ini, tetapi bersyukur selepas berjaya meraih kedudukan bagi ketiga-tiga kategori," ujar beliau.



MURoC 2011



UniMAP memenangi tempat kedua bagi kategori 'Paintball Robot' selepas tewas kepada Universiti Tun Husein Onn Malaysia (UTHM) pada peringkat akhir. Bagi dua lagi kategori, iaitu 'Rope Climbing Robot' dan 'Fire Fighting Robot', UniMAP terpaksa berpuas hati di tempat ketiga yang mana kedua-dua kategori ini diungguli oleh UPM.

UPM turut meraih Anugerah Khas Microchip selaku penaja rasmi MURoC dan membawa pulang wang tunai RM500 dan plak. MURoC 2011 disertai oleh 45 pasukan dari 20 Institusi termasuk Universiti, Politeknik serta agensi-agensi swasta di Malaysia.

Hadiah kepada pemenang pertandingan berupa wang tunai RM1,500 bagi tempat pertama, RM 1,250 tempat kedua dan RM 1,000 bagi tempat ketiga. Selain itu bagi kategori rekaan terbaik pemenang akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM500.

KEPUTUSAN PENUH :

1. Microchip Special Award


- Universiti Putra Malaysia (UPM)

2. Booth Terbaik

- Politeknik Kuching Sarawak

3. Reka Bentuk Terbaik :

- Rope Climbing - Universiti Putra Malaysia B
- Fire Fighting Robot - Universiti Putra Malaysia A
- Paintball Robot - Universiti Teknologi Mara (Fakulti Kejuruteraan Elektrik)



4. Kategori Rope Climbing :

- Tempat Pertama - Universiti Putra Malaysia A
- Tempat Kedua - Universiti Putra Malaysia B
- Tempat Ketiga - Universiti Malaysia Perlis

5. Kategori Fire Fighting Robot :

- Tempat Pertama - Universiti Putra Malaysia
- Tempat Kedua - Universiti Teknologi Mara
- Tempat Ketiga - Universiti Malaysia Perlis

6. Kategori Paintball Robot :

- Tempat pertama - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Tempat Kedua - Universiti Malaysia Perlis
- Tempat Ketiga - Penang Skill Development Centre



Oleh: Nurul Shafinaz Ismail (shafinaz@unimap.edu.my)